

Perumahan rakyat tetap diutamakan: PM

13 JUN 1990

(P)

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan akan terus melaksanakan projek pembangunan untuk rakyat sebagai salah satu langkah membasmi kemiskinan dan pengangguran di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata t... imberi perhatian khusus kepada usaha menyediakan kemudahan asas rakyat, khasnya perumahan.

Berucap merasmikan rancangan rumah pangsa harga rendah di Kampung Kerinci di sini hari ini, beliau berkata rakyat perlu menilai sendiri pembangunan yang dibawa oleh kerajaan yang ada hari ini.

"Kerajaan manakah yang mampu menyediakan tanah dan projek raksasa seperti ini untuk rakyat? Tidak ada parti pembangkang yang boleh berbuat demikian, selain kerajaan Barisan Nasional yang ada hari ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan mencuba sedaya upaya untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat, memandangkan negara kini mengalami kadar pertumbuhan penduduk yang pesat.

Pertambahan itu, katanya, bermakna kerajaan terpaksa menyediakan lebih banyak rumah dan kemudahan asas lain bagi memenuhi keperluan mereka dari semasa ke semasa.

"Saya masih ingat ketika melawat kawasan ini suatu ketika dahulu, tempat ini masih mundur dan tiada pembangunan.

"Tetapi Kampung Kerinci pada hari ini sudah menjadi sebuah bandar tersendiri, lengkap dengan segala kemudahan.

"Dengan taraf hidup rakyat yang kian meningkat, kerajaan mungkin tidak dapat menyediakan ini semua jika persefahaman, kerjasama dan perpaduan tidak wujud di kalangan rakyat pelbagai kaum," katanya.

Kira-kira 10,000 pemimpin dan penduduk menghadiri perhimpunan itu.

Lawatan itu menandakan bermulanya lawatan Presiden Umno itu ke semua bahagian di seluruh negara, sebagai persiapan menghadapi pilihanraya umum akan datang.